



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	14 SEPTEMBER 2016

# Najib umum langkah segera

Um- 14/9/2016

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA  
mohdasron.mustapha@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 13 SEPT.

**S**EBANYAK 15 pencawang elektrik di sepanjang laluan Transit Aliran Ringgan (LRT) Kelana Jaya akan dinaik taraf serta-rnerta sebagai salah satu langkah segera untuk memastikan gangguan perkhidmatan seperti yang berlaku pada 7 dan 9 September lalu tidak berulang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerja-kerja naik taraf yang mengambil masa antara tiga hingga enam bulan itu akan memastikan sistem elektrik untuk kegunaan LRT bagi laluan berkenaan dapat dipanjangkan jangka hayatnya serta berupaya menampung keperluan semasa mahupun pada masa hadapan.

Katanya, naik taraf pencawang elektrik tersebut merupakan salah satu daripada empat langkah segera yang diarahkan kerajaan untuk dilaksanakan Kumpulan Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) dengan kerjasama daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) agar masalah serupa tidak terus membelenggu pengguna.

"Hari ini saya telah mengadakan perbincangan dengan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Prasarana, Datuk Azmi Abdul Aziz serta SPAD. Azmi telah membentangkan hasil siasatan awal yang menunjukkan terputusnya bekalan elektrik mengaki-



**SPAD:**  
Rapid Rail  
tiada pelan sokongan

**KUALA LUMPUR 12 Sept.** Rapid Rail Sdn. Bhd. tidak mempunyai pelan sokongan sekiranya berlaku krisis atau insiden gangguan teknikal terhadap perkhidmatan transit aliran ringgan (LRT), seperti yang berlaku minggu lalu. Ketua Komunikasi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Radhi Warmer berkata, pihak penyedia perkhidmatan pengangkutan awam itu hanya mampu menyediakan beberapa bilik ulang-alik sebagai rancangan sandaran kepada para penumpang yang terjejas. Di samping itu katanya, Rapid Rail turut menyediakan alternatif lain...

## Undang-undang khusus atasi kelemahan LRT

Oleh C. SHEILA RANI

"Perkara ini sangat penting apabila LRT mengalami gangguan ter"

KERATAN Utusan Malaysia semalam.

batkan gangguan perkhidmatan pada tarikh berkenaan.

"Kerajaan dan saya secara peribadi menganggap gangguan perkhidmatan itu sebagai perkara yang amat serius dan saya telah mengarahkan Prasarana dan SPAD menyiarkan butiran hasil siasatan sebaik sahaja siasatan selesai sepenuhnya," kata Perdana Menteri dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dalam kejadian pada Jumaat lalu, ratusan pengguna LRT laluan Kelana Jaya terpaksa berjalan di aras trek ketika cuaca hujan apabila gerabak LRT tersebut tiba-tiba gagal berfungsi, hanya selepas dua hari kejadian serupa berlaku sehingga menimbulkan kemarahan orang ramai.

Najib berkata, beliau juga telah mengarahkan Prasarana agar melantik Penilai Teknikal Bebas un-

tuk menjalankan penilaian secara terperinci ke atas keseluruhan sistem yang ada, memadamkan LRT Kelana Jaya sudah hampir 20 tahun beroperasi.

Tambahnya, Prasarana juga diarahkan untuk melakukan penilaian semula terhadap keseluruhan operasi mereka, bagi mengukuhkan lagi Prosedur Operasi Standard (SOP) sedia ada syarikat itu, agar kapasiti semasanya berupaya menampung permintaan yang kian meningkat.

Selain itu, kata Perdana Menteri, Prasarana juga telah memberi jaminan untuk memperkenalkan gerabak LRT yang baharu bagi laluan tersebut secara berperingkat-peringkat mulai November ini yang diyakini berupaya menambahkan kapasiti sekali gus mengurangkan kesesakan pada waktu puncak.